

Legenda

Seorang

NEGARAWAN

Kronologi politik Dr. Mahathir

1945 **UM 31/10/2003 - 14 PRECISE**

Menyertai pelbagai organisasi politik seperti Kesatuan Melayu Kedah, Seberkas, Kesatuan Pemuda Melayu Kedah dan UMNO.

25 April 1964

Menjadi Ahli Parlimen Kota Setar Selatan, calon Perikatan menewaskan Mohd. Shaari Abd. Shukor (Pas) dengan majoriti 4,210 undi.

15 Mei 1965

Buat pertama kali dipilih sebagai ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-18.

26 September 1969

Disingkirkan dari UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

7 Mac 1972

Diterima semula selaku ahli UMNO.

24 Ogos 1974

Menjadi Ahli Parlimen Kubang Pasu selepas menang tanpa bertanding.

21 Jun 1975

Dipilih selaku Naib Presiden UMNO dengan 424 undi pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-26.

5 Mac 1976

Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

1978

Dipilih sebagai Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu (jawatan ini disandang sehingga sekarang).

28 Jun 1981

Dipilih sebagai Presiden UMNO tanpa pertandingan pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-32.

16 Julai 1981

Dilantik secara rasmi sebagai Perdana Menteri Keempat ketika usianya 55 tahun 7 bulan.

22 April 1982

Mengekalkan kerusi kawasan Parlimen Kubang Pasu menang dengan majoriti 15,761 undi menewaskan Yusof Rawa (Pas).

3 Ogos 1986

Mengekalkan kerusi kawasan Parlimen Kubang Pasu, menang dengan majoriti 15,298 undi menewaskan Dr. Azizan Ismail (Pas).

24 April 1987

Dipilih semula sebagai Presiden UMNO selepas menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah dengan majoriti 43 undi pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-38.

4 Februari 1988

UMNO diharamkan oleh mahkamah.

5 Februari 1988

Dilantik sebagai sebagai Presiden Penaja UMNO Baru dalam satu perjumpaan khas yang diadakan oleh bekas ahli-ahli Majlis Tertinggi di Sri Perdana Kuala Lumpur.

13 April 1988

Presiden UMNO Baru.

21 Oktober 1990

Bertanding atas tiket BN di kawasan Parlimen Kubang Pasu,

menewaskan Yusof Rawa (Pas) dengan majoriti 17,226 undi menewaskan Yusof Rawa (Pas).
Wahab (Semangat 46).

26 Oktober 1990

Barisan Kabinet dibentuk selepas pilihan raya umum 21 Oktober 1990. Dr. Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

30 November 1990

Dipilih semula sebagai Presiden UMNO tanpa pertandingan pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-40.

20 Jun 1999

Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kelantan.

April 1991

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Barisan Nasional Kelantan.

17 Oktober 1993

Dipilih semula sebagai Presiden UMNO tanpa pertandingan pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-43.

25 April 1995

Bertanding atas tiket BN di Parlimen Kubang Pasu, menang dengan majoriti 17,226 undi menewaskan Ahmad Mohamed Alim (Pas).

4 Mei 1995

Kekal sebagai Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

10 Oktober 1996

Dipilih semula sebagai Presiden UMNO tanpa pertandingan pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-50.

19 Mei 1997

Mula bercuti selama dua bulan.

1 September 1998

Anwar disingkirkan.

7 September 1998

Memegang Portfolio Menteri Kewangan Pertama selepas Anwar disingkirkan.

8 Januari 1999

Mengumumkan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

8 Januari 1999

Menyerahkan jawatan Menteri Dalam Negeri kepada Abdullah dan jawatan Menteri Kewangan Pertama kepada Tun Daim Zainuddin.

20 Jun 1999

Meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan.

29 November 1999

Bertanding atas tiket Barisan Nasional di Parlimen Kubang Pasu. Beliau menang dengan majoriti 10,138 undi menewaskan Subky Latif (Pas).

14 Disember 1999

Mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri untuk penggal kelima.

11 Mei 2000

Dipilih semula sebagai Presiden UMNO tanpa bertanding bagi penggal 2000/2003 pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 setelah memperoleh 162 pencalonan.

April 2001

Menang bertanding sebagai Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Kedah bagi penggal 2001/2003.

5 Jun 2001

Memangku jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas berikutan peletakan jawatan oleh Tun Daim Zainuddin 1 Jun 2001.

7 Jun 2001

Memangku jawatan Bendahari UMNO yang kosong berikutan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin pada 1 Jun 2001.

21 Jun 2002

Mengumumkan hasrat meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan ketika Perhimpunan Agung UMNO.

1 Mac 2003 - 5 Mei 2003 - bercuti selama dua bulan. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Timbalan Perdana Menteri Malaysia) bertindak selaku Pemangku Perdana Menteri.

31 Oktober 2003 - bersara sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Keempat.